

11/03/1997

Bahasa Melayu upaya hadapi cabaran

Zainal A

SEMINAR `Ledakan Teknologi Maklumat: Cabaran Terhadap Bahasa Malaysia', selama dua hari di Universiti Sains Malaysia (USM), Sabtu lalu tetap mempertahankan keupayaan bahasa Melayu bukan sekadar bahasa ilmu, bahkan mampu berfungsi sebagai bahasa era multimedia.

Pembentangan lebih 12 kertas kerja di seminar berkenaan, anjuran bersama Institut Kajian Dasar (IKD) dan Persatuan Bahasa Malaysia Universiti Sains Malaysia (PBMUSM) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang itu hampir sekata iaitu menyarankan bahasa Melayu perlu diberi fungsi utama dalam perkembangan dunia teknologi maklumat terkini di negara ini.

Pakar bahasa yang mengambil bahagian menegaskan tidak ada sebab mengapa bahasa itu diketepikan semata-mata untuk mahu memberi laluan kepada bahasa lain.

Pensyarah Pusat Ilmu Kemanusiaan (USM) Prof Abdullah Hassan yang banyak menghasilkan buku ilmiah mengenai bahasa, dalam kertas kerjanya `Bahasa Kebangsaan: Kenyataan Masa Depan', menghuraikan lebih lanjut mengapa beliau yakin penuh terhadap kemampuan bahasa itu.

Menurutnya, bahasa Melayu sudah pun menjadi bahasa lingua franca di wilayah Nusantara sejak dulu.

Oleh itu, penggunaannya yang tersebar luas tidak wajar dipertikaikan lagi.

Beliau optimis bahasa Melayu boleh berfungsi secara strategis sebagai alat yang dapat digunakan untuk merangsang dan membangun kreativiti bangsa Melayu menerusi fungsi bahasa.

Menurutnya, Jepun berjaya dalam menguasai bidang teknologi canggih menggunakan bahasanya sendiri tanpa bergantung kepada bahasa lain terutama Inggeris.

Amalan masyarakat Jepun yang lebih bangga menonjolkan kejayaan secara berkelompok dari individu boleh dijadikan ikutan rakyat negara ini.

"Amalan menonjolkan kejayaan individu diamalkan oleh budaya Barat.

"Amalan begini hanya boleh menimbulkan masalah bagi menggantikan individu berkenaan apabila berlaku kejadian yang tidak diduga.

"Kita terpaksa mengambil masa untuk mencari penggantinya," katanya.

Amalan itu sudah mula ditinggalkan Barat tetapi kita masih menggunakannya.

Menurut Abdullah, amalan mengutamakan kejayaan berkelompok sepatutnya dimulakan bertujuan menonjolkan lebih ramai yang mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang tertentu.

"Kita berharap ramai yang berjaya bukannya seorang dua," katanya yang mahukan dalam merealisasikan lebuh raya multimedia koridor itu nanti, konsep kejayaan berkelompok itu perlu diberi penekanan utama.

Ini sejajar dengan keyakinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini yang menyatakan orang Melayu boleh menguasai bidang itu.

Abdullah turut menegur sikap individu yang suka mengganggu penggunaan bahasa Inggeris, sehingga begitu mendukacitakan kerana ada yang menggunakan bahasa itu tidak kena pada tempatnya.

Seminar itu bertujuan antara lain menjadikan teknologi maklumat sebagai medium dan saluran untruk mertabatkan bahasa Melayu, agar bahasa Melayu dan teknologi maklumat mampu bergerak seiring sebagai alat perpaduan.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan seminar berkenaan berkata, perkembangan era informasi dan ledakan teknologi

maklumat di negara ini semakin pesat.

Malah, pelancaran Measat pada 13 Januari 1996 serta kemunculan Internet menyerlahkan lagi hakikat yang negara ini mampu menyambut cabaran teknologi maklumat yang semakin penting, sebagai saluran informasi pada peringkat antarabangsa.

Beliau bersetuju seminar itu mendedahkan fungsi maklumat sebagai medium dan saluran untuk memartabatkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, bahasa Melayu semakin cerah penggunaannya di kalangan rakyat.

Ini satu tanda bahasa Melayu berpengaruh sebagai bahasa pengantar.

"Bahkan bahasa itu mampu digunakan sebagai bahasa maklumat di seluruh dunia," katanya.

Ucapan Najib disampaikan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Shukor Abdullah.

(END)